

Bil. S 39

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH UNDANG-UNDANG PENGUNTUKAN KUMPULANWANG
BERKANUN (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Undang-Undang Bil. 9 tahun 1959.
 3. Pindaan Jadual.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH UNDANG-UNDANG PENGUNTUKAN KUMPULANWANG
BERKANUN (PINDAAN), 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Undang-Undang Penguntukan Kumpulanwang Berkanun (Pindaan), 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Dana Sustainability, 2008.

Pindaan bab 2 dari Undang-Undang Bil. 9 tahun 1959.

2. Bab 2 dari Undang-Undang Penguntukan Kumpulanwang Berkanun, 1959, dalam Perintah ini disebut sebagai Undang-Undang itu, adalah dipinda dengan memotong "\$927,486,000.00" dan menggantikannya dengan "\$10,373,372,491.96".

Pindaan Jadual.

3. Jadual kepada Undang-Undang itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan —

"Dana Sustainability	\$9,445,886,491.96"
----------------------	---------------------

sejurus selepas butiran berkenaan dengan "Kumpulanwang Simpanan dan Perdagangan";

(b) dengan memotong "\$927,486,000.00" dari baris akhir dan menggantikannya dengan "\$10,373,372,491.96".

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 11 haribulan Mac, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**